

Ciri-ciri Linguistik dalam Buku Cerita Awal Kanak-kanak: Kajian Skop Sistematis untuk Pembangunan Kerangka Awal Bahasa Melayu (Linguistic Features in Early Children's Storybooks: A Systematic Scoping Review for Developing an Early Malay Language Framework)

ZURAIDA AHMAD SHAHIME ^{1*}, BADRULZAMAN ABDUL HAMID ¹
& HASHERAH MOHD IBRAHIM ¹

¹ Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
50300 Kuala Lumpur, Malaysia

Diserahkan: 12 October 2025 / Diterima: 29 Januari 2026

ABSTRAK

Buku cerita kanak-kanak berperanan penting dalam pemerolehan bahasa awal, namun bukti empirikal tentang ciri linguistik yang menyokong perkembangan bahasa masih terhad. Kajian ini memetakan ciri linguistik utama dalam buku cerita bagi kanak-kanak yang berumur dari 1 hingga 4;11 tahun (notasi umur merujuk kepada tahun;bulan, iaitu 4 tahun 11 bulan) dan mencadangkan kerangka awal dalam pembangunan buku cerita bahasa Melayu. Ulasan skop ini berpandukan PRISMA-ScR dengan carian sistematik dalam Scopus, Web of Science dan ERIC (2015–2024). Daripada 267 rekod, 38 artikel yang memenuhi kriteria umur dianalisis. Dapatan menunjukkan semantik (95%) dan pragmatik (87%) paling konsisten merentas kajian, diikuti oleh sintaksis (47%), manakala fonologi (21%) dan morfologi (8%) kurang diterokai. Analisis mengikut umur memperlihatkan trajektori progresif iaitu kosa kata konkrit dan giliran tutur asas (1–2 tahun), ledakan kosa kata dan ayat mudah (2–3 tahun), peralihan kepada kosa kata abstrak dan struktur kompleks (3–4 tahun), serta integrasi lima domain linguistik (4–4;11 tahun). Kajian ini merupakan ulasan skop pertama yang mengintegrasikan lima domain linguistik berdasarkan peringkat umur bagi membangunkan kerangka buku cerita dalam konteks bahasa Melayu. Sumbangan baharu kajian ini berasaskan sintesis lima domain linguistik khusus untuk mengaplikasikan buku cerita dalam konteks bahasa Melayu, serta mengenalpastian jurang kritikal morfologi dan fonologi yang memerlukan validasi tempatan. Kerangka empat fasa yang terhasil dapat memberikan panduan kepada penerbit, pendidik, pembuat dasar, serta pihak berkepentingan.

Kata kunci: Buku cerita kanak-kanak; Ciri linguistik; Pemerolehan bahasa; Bahasa Melayu

ABSTRACT

Children's storybooks are central to early language acquisition; yet, empirical evidence on the linguistic features that support their development remains limited. This scoping review maps key linguistic features in storybooks for children aged 1 to 4;11 (i.e., 4 years and 11 months) and proposes a preliminary framework for Malay-language storybook development. Following PRISMA-ScR, we systematically searched Scopus, Web of Science, and ERIC (2015–2024). Of 267 records, 38 studies met the age criteria. Findings show strong and consistent evidence for semantics (95%) and pragmatics (87%), moderate coverage for syntax (47%), and limited attention to phonology (21%) and morphology (8%). Age-based synthesis indicates a progressive trajectory from concrete vocabulary and basic turn-taking (1–2 years), to vocabulary burst and simple sentences (2–3 years), emerging abstract vocabulary and complex structures (3–4 years), and integration across five linguistic domains (4–4;11 years). To the best of our knowledge, this is the first scoping review that integrates five linguistic domains across age groups to inform a Malay-language storybook framework. This study provides an age-tiered synthesis of five linguistic domains tailored to Malay-language application, and identifies the critical gaps in morphology and phonology that require local validation. The proposed four-phase framework offers an operational basis for publishers, educators, and policymakers, pending further empirical testing.

Keywords: Children's storybooks; Linguistic features; Language acquisition; Malay language

* Penulis koresponden: p153234@siswa.ukm.edu.my

PENGENALAN

LATAR BELAKANG KAJIAN

Buku cerita memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa awal kanak-kanak. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai sumber hiburan, tetapi turut menjadi medium yang memperkenalkan bahasa formal, kosa kata baharu, dan struktur naratif tersusun yang jarang-jarang ditemui dalam komunikasi harian. Pada tahap awal, buku cerita bertindak sebagai jambatan antara pengalaman hidup kanak-kanak dan simbol linguistik yang lebih teratur, sekaligus menyokong perkembangan literasi jangka panjang. Laporan antarabangsa dari UNESCO (2022) menekankan literasi awal sebagai asas utama pembangunan modal insan, menjadikan isu ini relevan bukan sahaja di Malaysia malah juga sebagai agenda global dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Walaupun begitu, kajian sedia ada lebih menumpukan aspek visual, tema, dan nilai estetika buku cerita, manakala ciri linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, dan pragmatik kurang diberi perhatian yang sewajarnya. Kekurangan ini menjejaskan potensi buku cerita dalam menyokong perkembangan bahasa secara menyeluruh. Kajian empirikal telah membuktikan bahawa pendedahan awal kepada bahan bacaan yang berkualiti dapat memperkayakan perbendaharaan kata, memperkukuh kemahiran naratif, dan meningkatkan kefasihan bertutur, seterusnya mempersiapkan kanak-kanak untuk pendidikan formal (Brown et al., 2017; Beck & McKeown, 2023; Deviyani, 2018; Hadley & Dickinson, 2020; Hjetland et al., 2020; Dicaldo & Roch, 2022; Cabell et al., 2024).

Fasa umur 1 hingga 4;11 tahun merupakan tempoh kritikal dalam pemerolehan kemahiran bahasa asas secara berperingkat (Hoff, 2014; Owens, 2016). Kanak-kanak pada usia 1-2 tahun mula menguasai kata pertama dan gabungan dua perkataan, pada usia 2-3 tahun berlaku lonjakan kosa kata dan struktur sintaksis asas, pada usia 3-4 tahun kemahiran naratif dan pragmatik semakin kompleks, manakala pada usia 4-4;11 tahun berlaku pengukuhan sistem linguistik untuk menyokong literasi formal (Tomasello, 2003; Hoff, 2014). Oleh itu, kajian skop sistematik ini bertujuan mengenal pasti ciri linguistik berkesan dalam buku cerita berdasarkan peringkat umur tersebut sebagai asas untuk membangunkan kerangka buku cerita bahasa Melayu yang lebih responsif dan berkesan.

KONTEKS INDUSTRI TEMPATAN

Industri penerbitan buku cerita kanak-kanak di Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran, terutama dari segi ketiadaan garis panduan rasmi yang berkaitan dengan kesesuaian buku cerita mengikut peringkat umur dan ciri linguistik (Mohamed Isa, 2009; Mat Ali et al., 2024). Pemilihan buku cerita sering bergantung kepada faktor komersial atau populariti, bukannya kesesuaian linguistik. Kebanyakan buku tempatan dianggap terlalu mudah atau terlalu sukar serta kurang selaras dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak (Mohamed Isa, 2009). Walaupun terdapat peningkatan jumlah judul diterbitkan, kualiti linguistik dan kesesuaian kandungan masih belum dapat dipastikan sama ada seiring dengan keperluan perkembangan bahasa ataupun sebaliknya.

Dari segi kualiti, buku kanak-kanak tempatan masih belum mampu menandingi penerbitan luar negara terutamanya dari sudut merangsangkan minat membaca dan memberikan pengalaman estetika yang bermakna (Kaithiri, 2019). Selain itu, jurang literasi antara kawasan bandar dan luar bandar turut memburukkan lagi akses kanak-kanak luar bandar kepada bahan bacaan yang berkualiti dalam bahasa ibunda mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013; UNESCO, 2021).

Kekurangan fokus kepada ciri linguistik bukan sahaja mengurangkan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak, malah berisiko menjejaskan perkembangan kosa kata dan kemahiran komunikasi kanak-kanak. Kedudukan ini menegaskan keperluan mendesak untuk membangunkan kerangka buku cerita bahasa Melayu yang sistematik, bercirikan linguistik yang bersesuaian dengan kapasiti perkembangan kanak-kanak.

CABARAN PEMINDAHAN MERENTAS BAHASA

Pengadaptasian hasil kajian antarabangsa ke dalam konteks bahasa Melayu membawa cabaran yang ketara kerana perbezaan sistem linguistik. Bahasa Melayu kaya dengan sistem morfologi berimbuhan seperti awalan, akhiran, sisipan, dan penggandaan yang rumit dan tidak mempunyai padanan mudah dalam bahasa lain. Sebagai contoh, imbuhan meN- dan penggandaan kata tidak mempunyai padanan tepat dalam bahasa Inggeris. Selain itu, sistem kesantunan bahasa Melayu yang menekankan budi bahasa, hormat, dan hierarki sosial merupakan satu aspek pragmatik unik yang tidak sama dengan norma Barat yang lebih individualistik. Justeru pemindahan bukti perlu disesuaikan dengan sensitiviti budaya dan bahasa tempatan.

PERSOALAN KAJIAN DAN OBJEKTIF

Kajian ini dipandu oleh persoalan utama: Apakah ciri linguistik yang sesuai untuk diterapkan dalam buku cerita bagi kanak-kanak yang berumur antara 1 hingga 4 tahun 11 bulan mengikut tahap perkembangan linguistik mereka? Untuk menjawab persoalan ini, empat soalan khusus dikemukakan. Pertama, apakah ciri linguistik yang dikenal pasti dalam kajian sedia ada? Kedua, bagaimanakah ciri linguistik ini berbeza mengikut peringkat umur? Ketiga, ciri linguistik manakah yang paling sesuai dan berkesan bagi setiap peringkat umur? Keempat, bagaimanakah sintesis ciri linguistik yang dikenal pasti daripada kajian sedia ada dapat dijadikan panduan dalam membangunkan kerangka buku cerita bahasa Melayu yang sesuai mengikut peringkat umur dan tahap perkembangan linguistik kanak-kanak? Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan mensintesis ciri linguistik berkesan daripada literatur antarabangsa, serta menilai kesesuaiannya dalam konteks tempatan berdasarkan empat peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak. Hasilnya dijangka dapat membentuk kerangka awal yang berasaskan bukti dan sesuai dengan budaya tempatan, yang seterusnya boleh divalidasi dan diadaptasi untuk industri penerbitan buku cerita kanak-kanak di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

TEORI ASAS PERKEMBANGAN BAHASA

Perkembangan bahasa awal kanak-kanak didasarkan kepada pelbagai teori yang menjadi asas kajian ini. Teori bahasa universal oleh Chomsky (1995) menyatakan bahawa kanak-kanak dilahirkan dengan keupayaan linguistik semula jadi yang membolehkan mereka memperoleh bahasa secara semula jadi melalui pendedahan dan interaksi, tanpa arahan linguistik formal yang tersurat. Namun begitu, kajian rentas bahasa menunjukkan bahawa kadar dan strategi pemerolehan bahasa adalah berbeza mengikut ciri kompleks bahasa yang dipelajari (Kuhl, 2007; Jarvis & Pavlenko, 2007; Grosjean, 2010).

Menurut Tomasello (2003), aspek input bermakna serta interaksi dalam konteks sosial memainkan peranan penting dalam pemerolehan bahasa. Walaupun prinsip pemerolehan adalah bersifat universal, manifestasinya berbeza mengikut kualiti input dan lingkungan sosial yang dialami oleh kanak-kanak. Dalam konteks bahasa Melayu, pengaruh imbuhan, sistem kesantunan, dan norma budaya memberikan impak yang signifikan dalam proses pemerolehan bahasa (Marzuki et al., 2025).

Selain itu, konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) oleh Vygotsky (1978) menekankan bahawa interaksi sosial merupakan asas utama kepada perkembangan bahasa. Bentuk sokongan yang berbeza mengikut budaya turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kemahiran pragmatik kanak-kanak (Noor Hasnoor Mohamad Nor, 2002).

DOMAIN LINGUISTIK DALAM BUKU CERITA KANAK-KANAK

Kajian ini meneliti lima domain linguistik utama: (i) fonologi, yang melibatkan kesedaran fonem, intonasi dan ritma; (ii) morfologi, yang berkaitan dengan struktur kata dan penggunaan imbuhan; (iii) sintaksis, yang merujuk kepada struktur ayat; (iv) semantik, yang melibatkan kekayaan kosa kata dan pemahaman makna; serta (v) pragmatic, yang menitikberatkan konteks sosial dan norma budaya dalam komunikasi (Hamzah, 2021; Norazmi, 2019; Abdul Rahman, 2020; Siti Rahmah, 2019; Rozita et al., 2022).

SINTESIS KRITIKAL DAN JURANG PENYELIDIKAN

Secara keseluruhannya, literatur terkini menegaskan bahawa input semantik yang kaya dan interaksi dialogik memberi sumbangan besar kepada perkembangan kosa kata dan pragmatik awal (Grolig et al., 2020). Namun demikian, dua jurang kritikal muncul. Pertama, tumpuan terhadap sintaksis kerap berhenti pada ayat mudah dan jarang menguji variasi tipologi bahasa berimbuhan. Kedua, morfologi dan fonologi kekal terpinggir, menjadikan bukti tentang masa dan cara pengenalan imbuhan serta rima yang optimum masih tidak konklusif. Tambahan pula, dominasi populasi berbahasa Inggeris menghadkan generalisasi rentas bahasa. Justeru itu, agenda penyelidikan masa depan perlu menguji bahasa berimbuhan dan instrumen tempatan agar dapatan lebih relevan untuk membangunkan kerangka buku cerita Melayu.

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui ulasan skop sistematik berasaskan kerangka Arksey dan O'Malley (2005), dengan mengikut garis panduan *PRISMA Extension for Scoping Reviews (PRISMA-ScR)*. Ulasan skop dipilih kerana objektif utama kajian adalah untuk memetakan bukti sedia ada serta mengenal pasti jurang pengetahuan dalam domain linguistik buku cerita kanak-kanak, berbanding dengan menguji hipotesis yang spesifik.

STRATEGI CARIAN DAN PANGKALAN DATA

Carian sistematik dijalankan dalam tiga pangkalan data utama: Scopus, Web of Science (WoS), dan ERIC. Carian meliputi artikel yang diterbitkan dari Januari 2015 hingga Disember 2024. Rentetan carian disesuaikan mengikut pangkalan data, contohnya bagi Scopus:

```
(TITLE-ABS-KEY("children* storybook*" OR "picture book*" OR "storybook*" OR "children*
literature"))
AND
(TITLE-ABS-KEY("language development" OR "language acquisition" OR "linguistic feature*"
OR "oral language"))
AND
(TITLE-ABS-KEY("child*" OR "toddler*" OR "preschool*"))
```

Rentetan yang setara digunakan untuk WoS (Topic search) dan ERIC (Descriptors/Keywords). Bahasa ditetapkan kepada Inggeris kerana majoriti kajian empirikal dalam pangkalan data ini diterbitkan dalam bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, implikasi kecenderungan bahasa ini dibincangkan dalam Bab 5.

Carian terakhir dijalankan pada 15 Disember 2024. *Grey literature* seperti tesis dan laporan tidak dimasukkan kerana fokus kajian adalah pada artikel jurnal yang melalui proses semakan rakan sebidang.

PROSES SARINGAN DAN KRITERIA KELAYAKAN


Daripada 267 artikel yang dikenal pasti melalui carian pangkalan data, sebanyak 64 pendua telah dibuang, menjadikan 203 artikel untuk disaring berdasarkan tajuk dan abstrak. Proses saringan dijalankan menggunakan Rayyan AI dengan penglibatan dua penilai bebas. Tahap persetujuan bagi 20% sampel rawak mencapai 92% ($\kappa=0.85$), menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Sebarang percanggahan diselesaikan melalui perbincangan bersama penilai ketiga.

Daripada 203 artikel yang disaring, sebanyak 83 artikel dikecualikan atas sebab berikut: bukan kajian empirik (35), tiada fokus linguistik (28), dan populasi tidak sesuai (20). Sebanyak 120 artikel seterusnya dibawa ke peringkat penilaian teks penuh.

Untuk menepati fokus umur 1 hingga 4;11 tahun bagi ulasan skop ini, 82 artikel lagi dikecualikan dengan sebab berikut: (i) kajian tertumpu kepada umur 5–6 tahun (47), (ii) data tidak dapat diasingkan mengikut subkumpulan umur (23), dan (iii) metodologi tidak sesuai (12). Akhirnya, sebanyak 38 artikel dimasukkan dalam sintesis akhir ulasan skop ini.

Kriteria inklusi merangkumi: (i) kajian empirikal (kuantitatif, kualitatif, atau kaedah campuran), (ii) populasi kanak-kanak dengan perkembangan tipikal yang berumur 1 hingga 4;11 tahun, (iii) fokus sekurang-kurangnya pada satu domain linguistik dalam konteks buku cerita, (iv) metodologi yang jelas dan boleh dinilai, serta (v) data yang membolehkan analisis mengikut subkumpulan umur.

Kriteria eksklusi termasuk: (i) populasi klinikal tanpa kumpulan kawalan tipikal, (ii) kajian tanpa analisis linguistik secara nyata, (iii) artikel tanpa data empirikal, (iv) kajian yang hanya meneliti populasi berumur 5–6 tahun tanpa data untuk umur 1 hingga 4;11.



RAJAH 1. Kerangka Konseptual Aplikasi Domain Linguistik dalam Pembangunan Buku Cerita Bahasa Melayu Kanak-kanak

PROSES EKSTRAKSI DAN ANALISIS DATA

Sebanyak 38 artikel akhir dianalisis menggunakan borang ekstraksi yang diseragamkan dan diuji pada lima artikel sampel. Borang merangkumi: (i) ciri kajian (pengarang, tahun, negara, saiz sampel, metodologi); (ii) ciri peserta (julat umur, kriteria inklusi/eksklusi); (iii) domain linguistik dan instrumen pengukuran; (iv) dapatan utama; dan (v) kesimpulan serta implikasi.

Penjaminan kualiti dilaksanakan melalui pemilihan artikel daripada pangkalan data berprestij (Scopus, Web of Science, ERIC), kriteria inklusi spesifik, penilaian kecukupan sampel, dan penilaian kesesuaian metodologi. Ekstraksi dijalankan oleh penyelidik utama dengan semakan berkala oleh penyelidik kedua. Sebanyak 20% artikel (n=8) disemak bebas oleh kedua-dua penilai dengan tahap persetujuan 92%, dan sebarang percanggahan diselesaikan melalui perbincangan.

Analisis deskriptif merumuskan taburan kajian mengikut negara, metodologi, saiz sampel, dan julat umur. Analisis tematik meneliti lima domain linguistik dengan setiap dapatan dikodkan sebagai kesan positif, tiada kesan, atau kesan bercampur. Kesan positif ditakrifkan sebagai

peningkatan signifikan secara statistik atau pemerhatian konsisten dalam pemerolehan bahasa. Tahap konsistensi ditentukan sebagai tinggi (>80% kajian), sederhana (60-80%), dan rendah (<60%), selaras dengan amalan ulasan skop terdahulu dalam pendidikan dan linguistik.

STRATEGI ANALISIS DAN SINTESIS


Analisis data menggunakan pendekatan deskriptif dan tematik. Analisis deskriptif menghasilkan ringkasan kuantitatif taburan kajian yang dipersembahkan dalam jadual dan carta. Analisis tematik mengikuti kerangka Braun dan Clarke (2006) melalui pembacaan berulang, pengekodan induktif pada lima domain linguistik, dan pembangunan tema berdasarkan kekerapan pelaporan serta konsistensi dapatan.

Data disintesis mengikut empat fasa perkembangan umur (1-2, 2-3, 3-4, 4-4;11 tahun) untuk mengenal pasti corak perkembangan linguistik khusus setiap peringkat, bagi membolehkan pembangunan kerangka progresif dijalankan, sambil mengambil kira kekuatan dan limitasi bukti tersedia.

DAPATAN

HASIL CARIAN DAN PEMILIHAN KAJIAN

Carian awal mengenal pasti sejumlah 267 rekod (Scopus: 89, Web of Science: 76, ERIC: 102). Selepas proses penyahgandaan, sebanyak 203 rekod disaring berdasarkan tajuk dan abstrak menggunakan aplikasi Rayyan AI. Daripada jumlah tersebut, 83 rekod dikecualikan atas beberapa sebab: bukan kajian empirikal (35), tiada fokus linguistik (28), dan populasi yang tidak sesuai (20). Seterusnya, 120 artikel dibawa ke peringkat penilaian teks penuh.



RAJAH 2. Carta PRISMA-ScR

Bagi menepati fokus kajian yang memberi tumpuan kepada kanak-kanak berumur 1–4;11 tahun ini, sebanyak 82 artikel dikecualikan iaitu kajian yang hanya menumpukan pada umur 5–6 tahun (47), data yang tidak dapat diasingkan mengikut subkumpulan umur (23), dan metodologi yang tidak sesuai (12). Akhirnya, sejumlah 38 artikel dipilih untuk dianalisis dalam ulasan skop ini.

PROFIL KAJIAN TERPILIH

Daripada 38 kajian yang dianalisis, taburan geografi menunjukkan dominasi konteks Barat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Amerika Utara menyumbang 24 kajian (63%), diikuti oleh Eropah dengan 8 kajian (21%), Asia dengan 4 kajian (11%), dan Australia/Oceania dengan 2 kajian (5%). Dominasi kajian dari konteks Barat (84%) menimbulkan persoalan tentang kebolehgeneralisasian dapatan kepada konteks budaya dan linguistik Malaysia.

JADUAL 1. Taburan Kajian Mengikut Rantau Geografi

Rantau	Bilangan Kajian	Peratus
Amerika Utara	24	63%
Eropah	8	21%
Asia	4	11%
Australia/Oceania	2	5%

Dari segi metodologi yang digunakan, kepelbagaian pendekatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 2. Sebanyak 15 kajian (39%) menggunakan reka bentuk eksperimen/RCT, 12 kajian (32%) menggunakan kaedah observasi/korelasi, 8 kajian (21%) menggunakan pendekatan longitudinal, dan 3 kajian (8%) menggunakan kaedah kualitatif.

JADUAL 2. Taburan Kajian Mengikut Saiz Sampel dan Metodologi

Saiz Sampel	Eksperimen/ RCT	Observasi/ Korelasi	Longitudinal	Kualitatif	Jumlah
10-50 peserta	5	4	2	1	12
51-200 peserta	7	6	3	0	16
>200 peserta	3	2	3	2	10

Liputan mengikut fasa umur menunjukkan ketidakseimbangan yang ketara. Fasa 1 (1-2 tahun) diliputi oleh 33 kajian, Fasa 2 (2-3 tahun) oleh 28 kajian, Fasa 3 (3-4 tahun) oleh 18 kajian, manakala Fasa 4 (4-4;11 tahun) hanya melibatkan 12 kajian. Corak ini memperlihatkan kecenderungan penyelidikan untuk lebih menumpukan perhatian kepada fasa awal perkembangan bahasa kanak-kanak.

JADUAL 3. Taburan Domain Linguistik dalam 38 Kajian

Domain	Bilangan Kajian	Peratus	Tahap Konsistensi	Variasi Budaya
Semantik	36	95%	Tinggi	Rendah
Pragmatik	33	87%	Tinggi	Tinggi
Sintaksis	18	47%	Sederhana	Sederhana
Fonologi	8	21%	Rendah	Tinggi
Morfologi	3	8%	Sangat Rendah	Tinggi

Analisis mengikut peringkat umur menunjukkan corak perkembangan yang jelas dan konsisten merentas kajian.

DOMAIN SEMANTIK MENGIKUT PERINGKAT UMUR

Domain semantik merupakan aspek paling dominan, dilaporkan dalam 36 daripada 38 kajian (95%). Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan kosa kata dan pemahaman makna merupakan fokus utama penyelidikan berkaitan buku cerita kanak-kanak. Dapatan memperlihatkan bahawa pendedahan awal kepada bacaan bersama memberi kesan konsisten terhadap pertumbuhan kosa kata, pemahaman perkataan baharu, dan penguasaan makna mengikut tahap umur.

FASA 1 (1–2 TAHUN)

Kajian longitudinal dan eksperimen melaporkan bahawa bacaan awal meningkatkan saiz kosa kata reseptif kanak-kanak. Contohnya, kajian Hutton et al. (2021) menunjukkan bahawa pendedahan berulang melalui buku atau aplikasi bacaan mudah alih meningkatkan pemahaman perkataan pada awal usia. Pada tahap ini, frekuensi bacaan dan kualiti input lisan menjadi faktor utama perkembangan semantik.

FASA 2 (2–3 TAHUN)

Kajian dalam fasa ini menekankan kepentingan strategi bacaan responsif. Attig and Weinert (2020) melaporkan bahawa persekitaran literasi rumah (*Home Literacy Environment*, HLE) yang kaya meningkatkan kosa kata. Kajian bacaan dialogik (Towson et al., 2024) menunjukkan peningkatan ketara dalam penggunaan perkataan baharu apabila ibu bapa atau guru menggunakan soalan terbuka. Pengulangan perkataan (Collett et al., 2024) turut mempercepat pembelajaran kosa kata, manakala kanak-kanak lebih mudah menguasai perkataan daripada buku bergambar berbanding dengan media lain (Larragueta et al., 2018).

FASA 3 (3–4 TAHUN)

Kanak-kanak pada tahap ini menunjukkan keupayaan semantik yang lebih kompleks. Nyhout dan Simcock (2021) dan Petrie et al. (2021) mendapati buku tanpa teks menghasilkan lebih banyak tindak balas lisan dan penggunaan kosa kata spontan. Van Horn and Kan (2015) menunjukkan bahawa kanak-kanak bilingual dapat melakukan pemetaan pantas dengan berkesan melalui bacaan cerita, iaitu mengaitkan bunyi baharu dengan makna perkataan secara cepat. Seven et al. (2020) pula menekankan penggunaan bahasa di luar konteks yang memperluas pemahaman konsep abstrak.

FASA 4 (4–4;11 TAHUN)

Kajian-kajian dalam fasa ini menekankan perkembangan kosa kata reseptif dan ekspresif melalui intervensi bacaan terancang. Simsek and Isikoglu (2021) melaporkan bahawa bacaan dialogik memberi kesan paling signifikan dalam meningkatkan bahasa reseptif, termasuk penguasaan makna perkataan. Broemmel et al. (2021) pula meneliti penggunaan buku animasi tetapi mendapati ianya tidak memberi kelebihan berbanding buku tradisional.

DOMAIN PRAGMATIK MENGIKUT PERINGKAT UMUR

Domain pragmatik merupakan aspek kedua paling dominan selepas semantik, dan dilaporkan dalam 33 daripada 38 kajian. Dapatan menunjukkan bahawa interaksi semasa bacaan bersama memainkan peranan penting dalam pembentukan kemahiran komunikasi kanak-kanak, termasuk keupayaan menyoal, memberi jawapan, dan mengembangkan perbualan. Secara keseluruhannya, elemen naratif seperti dialog antara watak, konteks sosial, dan situasi komunikasi dalam buku cerita memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan pragmatik kanak-kanak.

FASA 1 (1–2 TAHUN)

Kajian longitudinal menunjukkan bahawa bacaan awal bukan sahaja mengurangkan kemerosotan skor bahasa, malah mengukuhkan asas komunikasi bayi. Neri et al. (2021) melaporkan bahawa bacaan buku kepada bayi pramatang menyokong perkembangan interaksi awal. Hoff et al. (2023) pula menekankan peranan persekitaran literasi rumah sebagai pengantara antara faktor sosioekonomi dengan kemahiran pragmatik. Towell et al. (2019) mendapati bahawa bayi berusia 6–22 bulan memberi tindak balas positif terhadap topik bacaan yang sesuai, menandakan minat awal mereka terhadap komunikasi.

FASA 2 (2–3 TAHUN)

Pada peringkat ini, persekitaran literasi rumah menjadi semakin penting. Attig and Weinert (2020) menunjukkan bahawa interaksi responsif berkait rapat dengan perkembangan pragmatik. Cuneo dan Berruezo (2023) mendapati bahawa bacaan dialogik membantu kanak-kanak berusia 2 tahun menghasilkan lebih banyak ujaran bermakna. Duursma (2016) pula menunjukkan bahawa bapa sering menggunakan gaya pertuturan spontan, yang mendorong kanak-kanak memberi tindak balas aktif. Selain itu, Daniels et al. (2022) melaporkan bahawa faktor pemilihan buku, termasuk aspek estetika dan tahap kesukaran, turut mempengaruhi kualiti interaksi.

FASA 3 (3–4 TAHUN)

Pada tahap ini, perkembangan pragmatik menjadi lebih kompleks. Nyhout and Simcock (2021) mendapati bahawa buku tanpa teks meningkatkan penggunaan bahasa pragmatik melalui lebih banyak tindak balas lisan. Seven et al. (2020) menekankan kepentingan bahasa di luar konteks yang membantu kanak-kanak memahami situasi abstrak. Towson et al. (2024) melaporkan bahawa strategi bacaan dialogik oleh guru meningkatkan penggunaan soalan terbuka dan interaksi perbualan. Dapatan ini menunjukkan bahawa fasa ini merupakan tempoh kritikal untuk memperkukuh kemahiran pragmatik melalui interaksi bacaan yang lebih mendalam.

FASA 4 (4–4;11 TAHUN)

Dalam fasa ini, kanak-kanak menunjukkan penguasaan pragmatik yang lebih matang, termasuk kebolehan mengadakan perbualan tersusun dan mengemukakan soalan secara berkesan. Broemmel et al. (2021) mendapati bahawa penggunaan buku animasi tidak memberikan kelebihan berbanding buku tradisional dari segi interaksi pragmatik. Patel et al. (2024) pula menegaskan bahawa jangkaan ibu bapa serta persekitaran literasi rumah memberi kesan langsung terhadap perkembangan literasi awal yang merangkumi kemahiran pragmatik.

DOMAIN SINTAKSIS MENGIKUT PERINGKAT UMUR

Domain sintaksis dilaporkan dalam 18 daripada 38 kajian, iaitu sebanyak 47% daripada keseluruhan dapatan. Walaupun tidak setinggi semantik dan pragmatik, perkembangan sintaksis menunjukkan pola yang konsisten mengikut peringkat umur. Dapatan menunjukkan bahawa pendedahan kepada bacaan bersama, terutamanya melalui strategi bacaan dialogik dan

penggunaan buku tanpa teks, dapat mempercepat penguasaan struktur ayat dan meningkatkan kerumitan sintaksis.

FASA 1 (1–2 TAHUN)

Pada fasa awal ini, kanak-kanak lazimnya menggunakan struktur ayat yang sangat ringkas, yang terdiri daripada satu hingga tiga patah perkataan. Kajian menunjukkan bahawa pola asas seperti subjek–kata kerja atau kata kerja–objek merupakan bentuk yang paling dominan. Ujaran ringkas seperti “Ayah makan” atau “Ambil bola” selari dengan kemampuan linguistik dan kognitif mereka pada peringkat ini.

FASA 2 (2–3 TAHUN)

Dalam lingkungan usia ini, kanak-kanak mula membina ayat-ayat yang lebih panjang iaitu tiga hingga enam patah perkataan. Beberapa kajian melaporkan bahawa pada usia ini, kanak-kanak semakin memahami struktur asas subjek–kata kerja–objek. Pada masa yang sama, kata hubung mudah seperti "dan" atau "dengan" mula digunakan untuk menyambung idea. Persekitaran literasi rumah yang kaya didapati menyokong pembentukan ayat yang lebih pelbagai.

FASA 3 (3–4 TAHUN)

Pada tahap ini, kanak-kanak mula menghasilkan ayat yang lebih kompleks dengan elemen subordinasi. Petrie et al. (2021) melaporkan bahawa buku tanpa teks mendorong kanak-kanak membina ayat yang lebih panjang dan berlapis. Towson et al. (2024) pula menunjukkan bahawa strategi bacaan dialogik oleh guru meningkatkan kerumitan sintaksis melalui penggunaan soalan terbuka dan galakan perbualan. Perkembangan ini mencerminkan keupayaan kanak-kanak untuk menghubungkan idea dengan lebih teratur.

FASA 4 (4–4;11 TAHUN)

Kanak-kanak pada fasa ini memperlihatkan penguasaan sintaksis yang lebih matang melalui penggunaan ayat kompleks, termasuk struktur subordinat dan koordinat. Simsek and Isikoglu (2021) mendapati bahawa bacaan dialogik memberi kesan positif terhadap bahasa reseptif, termasuk aspek sintaksis. Hal ini menunjukkan bahawa pendedahan berterusan kepada bacaan interaktif menyediakan asas kukuh bagi kemahiran literasi formal.

DOMAIN FONOLOGI MENGIKUT PERINGKAT UMUR

Domain fonologi dilaporkan dalam 8 daripada 38 kajian (21%); hal ini mencadangkan bahawa penyelidikan berkaitan aspek ini masih terhad berbanding dengan semantik, pragmatik, dan sintaksis. Walaupun jumlahnya kecil, dapatan yang ada memperlihatkan pola perkembangan fonologi yang konsisten dan progresif mengikut umur.

FASA 1 (1–2 TAHUN)

Kajian awal menunjukkan bahawa pendedahan kepada bacaan bersama merangsang respons vokal kanak-kanak walaupun pada tahap awal perkembangan bahasa. Towell et al. (2019) mendapati kanak-kanak dalam lingkungan umur ini menunjukkan minat yang tinggi terhadap intonasi, ritma serta bunyi berulang dalam buku bergambar. Penggunaan bunyi onomatopoeia terbukti efektif dalam menarik perhatian serta membina asas kesedaran fonologi.

FASA 2 (2–3 TAHUN)

Fonologi berkembang melalui interaksi literasi rumah. Attig and Weinert (2020) mendapati bacaan berulang serta input lisan yang responsif meningkatkan ketepatan fonologi kanak-kanak. Hanson et al. (2021) turut melaporkan bahawa bahasa ibu bapa ketika membaca menjadi lebih kompleks dari segi prosodi, dan hal ini menyumbang kepada peningkatan kejelasan sebutan anak.

FASA 3 (3–4 TAHUN)

Kanak-kanak mula membangunkan kesedaran fonologi yang lebih maju, termasuk keupayaan mengenal pasti bunyi awal dan akhir perkataan serta pola rima. Petrie et al. (2021) menunjukkan bahawa buku tanpa teks mendorong kanak-kanak menghasilkan penyesuaian sebutan, sekali gus menggalakkan eksplorasi bunyi. Selain itu, Van Horn and Kan (2015) mendapati bahawa kanak-kanak dwibahasa mempunyai keupayaan pemetaan pantas (*fast mapping*) yang berkesan, iaitu mengaitkan bunyi baharu dengan makna dalam kedua-dua bahasa.

FASA 4 (4–4;11 TAHUN)

Pada peringkat ini, kanak-kanak menunjukkan penguasaan fonologi yang lebih matang dengan keupayaan membezakan bunyi secara halus. Mereka mampu mengenal pasti perbezaan bunyi dalam perkataan yang hampir serupa serta menyedari persamaan bunyi pada hujung perkataan yang berima.

DOMAIN MORFOLOGI MENGIKUT PERINGKAT UMUR

Domain morfologi merupakan aspek yang paling kurang diberi perhatian dalam literatur, dengan hanya 3 daripada 38 kajian (8%) yang melaporkannya secara tersurat. Kekurangan ini menunjukkan bahawa penyelidikan mengenai peranan ciri morfologi dalam buku cerita kanak-kanak masih sangat terhad, walaupun morfologi memainkan peranan penting dalam pemerolehan bahasa, khususnya dalam bahasa aglutinatif dan berimbuhan seperti bahasa Melayu.

FASA 1 (1–2 TAHUN)

Tiada kajian yang meneliti ciri morfologi secara khusus pada tahap awal ini. Dapatan hanya tertumpu pada kosa kata asas tanpa memberi perhatian kepada bentuk imbuhan atau variasi morfologi.

FASA 2 (2–3 TAHUN)

Kajian yang sedikit ada lebih menekankan kepada penguasaan bentuk kata tunggal dan pengenalan awal kepada perubahan bentuk kata (contohnya pluralisasi dalam bahasa Inggeris).

FASA 3 (3–4 TAHUN)

Kanak-kanak pada tahap ini mula menunjukkan keupayaan memahami perbezaan bentuk kata, seperti penggunaan imbuhan untuk menandakan masa, aspek, atau jumlah. Namun, hanya kajian Simsek dan Isikoglu (2021) sahaja yang melaporkan peranan teks bercirikan morfologi dalam merangsang kesedaran bentuk kata; walau bagaimanapun, ianya terhad kepada konteks bahasa Inggeris.

FASA 4 (4–4;11 TAHUN)

Tiada kajian khusus yang meneliti perkembangan morfologi dalam konteks buku cerita, walaupun pada tahap ini kanak-kanak sudah mula menggunakan struktur morfologi yang lebih kompleks.

Kekosongan ini memperlihatkan bahawa morfologi masih menjadi jurang kritikal dalam penyelidikan berkaitan buku cerita kanak-kanak. Hal ini amat signifikan bagi bahasa Melayu, yang sangat bergantung pada imbuhan (awalan, akhiran, apitan, dan sisipan) serta reduplikasi untuk membentuk makna baharu. Tanpa kajian empirikal, panduan tentang bagaimana ciri morfologi wajar diperkenalkan mengikut tahap umur dalam buku cerita kanak-kanak masih belum tersedia. Oleh itu, kajian lanjutan perlu memberi tumpuan kepada bagaimana strategi teks dan ilustrasi dapat dimanfaatkan untuk menyokong kesedaran morfologi sejak awal, sekali gus memperkukuh asas perkembangan literasi dalam konteks bahasa Melayu.

ANALISIS KEBERKESANAN MENGIKUT PERINGKAT

Sintesis dapatan merentas lima domain linguistik menunjukkan corak perkembangan yang konsisten mengikut fasa umur, seperti yang diringkaskan dalam Jadual 4. Setiap fasa memperlihatkan penekanan khusus terhadap domain tertentu selaras dengan kemampuan linguistik kanak-kanak.

JADUAL 4. Ciri Linguistik Mengikut Fasa Perkembangan

Fasa Umur	Domain Dominan	Sintaksis	Semantik	Pragmatik	Fonologi	Morfologi
1–2 tahun	Semantik, Pragmatik	Ujaran ringkas	Kata nama konkrit	Giliran bertutur permulaan	Responsif kepada rima & ritma	Kata akar asas
2–3 tahun	Semantik, Pragmatik, Sintaksis	Ayat mudah dengan kata hubung asas	Pengembangan kosa kata pesat	Niat komunikasi semakin jelas	Permainan bunyi dan pengulangan	Imbuhan asas mula diperkenalkan
3–4 tahun	Keseimbangan semua domain	Struktur ayat dengan subordinasi awal	Konsep abstrak mula berkembang	Pemahaman perspektif orang lain	Kesedaran bunyi awal/ akhir kata	Gabungan bentuk kata
4–4;11 tahun	Integrasi menyeluruh	Struktur kompleks koordinasi & subordinasi	Kosa kata akademik asas	Strategi komunikasi matang	Kepekaan fonologi halus	Sistem imbuhan sistematik

FASA 1(1–2 TAHUN)

Penekanan utama terletak pada semantik dan pragmatik kerana kedua-duanya membentuk asas komunikasi awal. Fonologi memainkan peranan penting melalui pendedahan kepada rima, ritma, dan bunyi berulang. Sintaksis dan morfologi masih berada pada tahap asas, dengan penggunaan ujaran ringkas antara satu hingga dua perkataan.

FASA 2 (2–3 TAHUN)

Pada peringkat ini, integrasi lebih seimbang mula terbentuk antara semantik, pragmatik, dan sintaksis. Kosa kata kanak-kanak mula meningkat; mereka mula memahami struktur ayat yang lebih panjang, dan menggunakan bahasa untuk tujuan komunikasi yang pelbagai. Morfologi mula diperkenalkan secara asas, manakala fonologi diperkukuh dengan permainan bunyi.

FASA 3 (3–4 TAHUN)

Kesemua domain berkembang dengan lebih kompleks pada tahap ini. Semantik memperlihatkan penguasaan konsep abstrak, pragmatik membantu pemahaman konteks sosial yang lebih luas, dan sintaksis berkembang melalui ayat kompleks dengan klausa subordinat. Kesedaran fonologi meningkat dengan meningkatnya kebolehan mengenal pasti bunyi awal, akhir, dan rima. Morfologi masih terhad, namun asas penggunaan bentuk kata lebih pelbagai mula kelihatan.

FASA 4 (4–4;11 TAHUN)

Pada fasa ini, kelima-lima domain berintegrasi secara menyeluruh sebagai persediaan literasi formal. Kanak-kanak menggunakan kosa kata yang lebih luas, berinteraksi secara pragmatik dengan lebih matang, dan membina ayat kompleks yang melibatkan koordinasi serta subordinasi. Fonologi mencapai tahap kepekaan yang lebih halus, manakala morfologi diperkenalkan secara lebih sistematik, termasuk imbuhan asas bahasa Melayu.

KERANGKA PEMBANGUNAN BUKU CERITA BAHASA MELAYU

Berdasarkan sintesis sistematik daripada 38 kajian yang dianalisis, satu kerangka awal untuk pembangunan buku cerita bahasa Melayu dicadangkan. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk menegaskan bahawa kerangka ini merupakan interpretasi dan adaptasi berdasarkan trend literatur yang sedia ada, bukannya dapatan langsung daripada kajian empirikal. Oleh itu, kerangka yang dicadangkan memerlukan validasi empirikal yang menyeluruh dalam konteks bahasa Melayu sebelum boleh diaplikasikan secara meluas dalam industri penerbitan tempatan.

Analisis terhadap 38 kajian menunjukkan beberapa corak perkembangan linguistik yang konsisten merentas peringkat umur. Pada fasa awal iaitu umur 1-2 tahun, domain semantik dan pragmatik mendominasi dengan lebih daripada 80% kajian melaporkan fokus terhadap kedua-dua aspek ini. Corak ini menunjukkan bahawa perkembangan kosa kata konkrit dan kemahiran komunikasi asas merupakan keutamaan dalam tempoh ini. Seterusnya, pada fasa umur 2-3 tahun, integrasi antara semantik, pragmatik, dan sintaksis mula terbentuk dengan lebih seimbang, di mana kira-kira 60% daripada kajian melaporkan penglibatan domain sintaksis dalam perkembangan

bahasa kanak-kanak. Jadual 5 meringkaskan tahap keyakinan bukti untuk setiap domain linguistik dan status komponen dalam kerangka yang dicadangkan.

JADUAL 5. Tahap Keyakinan Bukti dan Status Kerangka Mengikut Domain Linguistik

Domain	Bilangan Kajian	Tahap Keyakinan	Status dalam Kerangka	Justifikasi
Semantik	36/38 (95%)	Tinggi	Boleh diaplikasi	Konsisten merentas budaya dan metodologi
Pragmatik	33/38 (87%)	Tinggi	Boleh diaplikasi dengan adaptasi budaya	Corak universal dengan variasi budaya
Sintaksis	18/38 (47%)	Sederhana	Memerlukan validasi dalam bahasa Melayu	Struktur bahasa Melayu berbeza dari kajian asal
Fonologi	8/38 (21%)	Rendah	Spekulatif - kajian khusus diperlukan	Data terhad, majoriti bahasa Inggeris
Morfologi	3/38 (8%)	Sangat Rendah	Spekulatif dan memerlukan kajian lanjutan yang fokus dalam konteks bahasa Melayu	Bukti tidak mencukupi, sistem Melayu kompleks

Berdasarkan analisis dalam Jadual 5, terdapat perbezaan yang ketara dalam tahap keyakinan bukti antara domain linguistik yang berbeza. Domain semantik dan pragmatik menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi kerana konsistensi dapatan merentas pelbagai metodologi dan konteks budaya, termasuk beberapa kajian daripada Asia yang menyokong corak perkembangan yang serupa. Kedua-dua domain ini boleh dijadikan asas untuk komponen kerangka yang boleh diaplikasikan dengan berhati-hati dalam konteks tempatan.

Sebaliknya, domain morfologi menunjukkan tahap keyakinan yang sangat rendah, manakala domain fonologi pula berada pada tahap keyakinan rendah. Domain morfologi hanya diwakili oleh 3 kajian daripada 38 kajian keseluruhan, menjadikannya tidak mencukupi untuk membuat sebarang generalisasi yang boleh dipercayai. Kekurangan bukti ini adalah kritikal memandangkan sistem morfologi bahasa Melayu adalah jauh lebih kompleks berbanding dengan bahasa-bahasa yang dikaji dalam literatur sedia ada. Sistem imbuhan yang kaya seperti awalan meN-, ber-, dan ter-, serta akhiran -kan, -an, dan -i memerlukan kajian khusus untuk memahami bagaimana kanak-kanak menguasai kompleksiti ini dalam perkembangan bahasa mereka.

Dalam konteks pembangunan kerangka untuk bahasa Melayu, beberapa limitasi kritikal perlu diambil perhatian. Pertama, sebanyak 84% kajian yang dianalisis berasal dari konteks Barat, dengan majoriti menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium kajian. Realiti ini menimbulkan persoalan tentang kebolehterapan dapatan kepada bahasa Melayu yang mempunyai sistem linguistik yang berbeza secara ketara. Perbezaan struktur yang ketara antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dapat dilihat bukan sahaja dari aspek morfologi, tetapi juga dari aspek pragmatik yang memperlihatkan sistem kesantunan bahasa Melayu yang menekankan budi bahasa, hormat, dan hierarki sosial, berbeza daripada norma individualisme Barat.

Kerangka yang dicadangkan oleh itu dibahagikan kepada dua komponen utama berdasarkan tahap keyakinan bukti. Komponen pertama adalah aspek yang mempunyai bukti empirikal yang kukuh dan boleh diadaptasi dengan tahap keyakinan yang tinggi. Ini termasuklah perkembangan semantik daripada konsep konkrit kepada abstrak dan perkembangan pragmatik daripada giliran tutur asas kepada interaksi komunikasi yang kompleks. Strategi seperti bacaan dialogik, pengulangan kosa kata, dan pendekatan yang menggalakkan interaksi responsif antara

ibu bapa dan kanak-kanak telah terbukti berkesan dalam konteks yang pelbagai dan boleh diadaptasi untuk buku cerita bahasa Melayu.

Komponen kedua pula adalah aspek yang bersifat spekulatif dan memerlukan validasi empirikal yang menyeluruh. Ini termasuklah cadangan untuk perkembangan morfologi dan fonologi yang diadaptasi berdasarkan ciri-ciri unik bahasa Melayu. Sebagai contoh, cadangan untuk memperkenalkan sistem imbuhan secara berperingkat mengikut tahap perkembangan kanak-kanak adalah berdasarkan inferens daripada corak umum perkembangan bahasa, bukannya bukti khusus tentang pemerolehan morfologi bahasa Melayu. Begitu juga dengan aspek fonologi; potensi penggunaan tradisi lisan tempatan seperti pantun, syair dan lagu kanak-kanak dalam memupuk kesedaran fonologi, walaupun mempunyai potensi secara teoritikal, ia masih memerlukan pengesahan empirikal.

Implikasi praktikal kerangka ini untuk industri penerbitan adalah terhad kepada komponen yang mempunyai bukti empirikal yang kukuh. Penerbit bahan bacaan awal kanak-kanak disarankan untuk menumpukan kepada aspek semantik dan pragmatik dalam pembangunan buku cerita, dengan menggunakan strategi yang telah terbukti berkesan seperti penggunaan kosa kata yang berkembang secara progresif mengikut peringkat umur dan galakan interaksi dua hala antara pembaca dewasa dan kanak-kanak. Pendekatan bacaan dialogik yang menekankan soalan terbuka dan tindak balas yang responsif boleh diadaptasi untuk konteks bahasa Melayu dengan mengambil kira norma budaya tempatan. Walau bagaimanapun, sebarang cadangan berkaitan morfologi dan fonologi harus dilihat sebagai spekulasi awal yang perlu diuji secara empirikal sebelum implementasi. Industri penerbitan disarankan untuk melabur dalam kajian validasi tempatan atau berkolaborasi dengan institusi penyelidikan untuk menguji keberkesanan cadangan-cadangan ini sebelum mengaplikasikannya secara meluas. Pendekatan berperingkat ini membolehkan industri untuk memulakan transformasi berdasarkan bukti yang kukuh sambil membangunkan asas empirikal yang lebih mantap untuk aspek-aspek yang kompleks.

Kesimpulannya, kerangka yang dibentangkan ini berfungsi sebagai titik permulaan untuk pembangunan buku cerita bahasa Melayu yang berasaskan bukti. Ia menggabungkan dapatan yang boleh dipercayai daripada literatur antarabangsa dengan adaptasi yang berhati-hati untuk konteks tempatan, sambil mengakui secara jujur limitasi-limitasi yang wujud. Kejayaan kerangka ini dalam menyokong industri penerbitan tempatan bergantung kepada komitmen untuk menjalankan kajian validasi yang menyeluruh, terutamanya dalam domain morfologi dan fonologi yang masih kurang diterokai. Transformasi sektor penerbitan buku kanak-kanak tempatan memerlukan pendekatan berperingkat yang mengutamakan bukti empirikal dan bukannya spekulasi, sekaligus memastikan bahawa kerangka yang dibangunkan adalah sesuai dengan realiti linguistik dan budaya Malaysia.

PERBINCANGAN

Bahagian perbincangan ini memfokuskan kepada dapatan utama daripada sintesis 38 kajian dengan memberi tumpuan kepada lima domain linguistik yang dianalisis. Fokus diberikan kepada mengapa dapatan itu penting dan apakah implikasinya terhadap konteks bahasa Melayu.

DOMINASI KAJIAN SEMANTIK DAN PRAGMATIK

Dapatan kajian menunjukkan bahawa domain semantik (95%, 36/38) dan pragmatik (87%, 33/38) merupakan bidang paling dominan dalam literatur yang dikaji, mencerminkan perhatian utama penyelidikan terhadap aspek makna dan penggunaan bahasa. Keadaan ini mencerminkan tumpuan global terhadap kosa kata dan interaksi sosial sebagai asas pemerolehan bahasa awal (Hart & Risley, 1995; Snow, 2017; Sénéchal & LeFevre, 2014). Implikasi utamanya, pembangunan buku cerita bahasa Melayu perlu bukan sekadar menekankan kosa kata konkrit, tetapi secara bertahap mengintegrasikan kosa kata abstrak dan strategi interaksi dialogik. Cabaran konteks Malaysia ialah bagaimana ciri budaya seperti kesantunan bahasa dan struktur keluarga mempengaruhi penglibatan kanak-kanak, sekali gus menuntut adaptasi tempatan berbanding sekadar mengaplikasikan dapatan Barat. Secara praktikal, buku cerita boleh menggambarkan formula pragmatik kesantunan (misalnya “bolehkah saya...”, “minta tolong...”, “terima kasih kerana...”) dan giliran tutur yang jelas melalui dialog, lalu memperkukuh kecekapan pragmatik awal.

SINTAKSIS: PERKEMBANGAN BERTAHAP NAMUN KAJIAN TERHAD

Sintaksis dilaporkan dalam 47% (18/38) kajian dengan menunjukkan pola perkembangan bertahap daripada ujaran ringkas kepada struktur kompleks. Dapatan dari kajian antarabangsa (contoh Petrie et al., 2021; Towson et al., 2024) menunjukkan buku tanpa teks dan bacaan dialogik dapat memperkaya struktur ayat. Namun, struktur ayat bahasa Melayu yang fleksibel dan kaya dengan imbuhan masih kurang dikaji. Oleh itu, buku cerita bahasa Melayu wajar menguji variasi susunan ayat, termasuk ayat songsang, bersama pengenalan imbuhan ringkas, melalui reka bentuk eksperimen kelas/prasekolah. Hasil ukuran yang disasar termasuk panjang ujaran (MLU), ketepatan tatabahasa, dan kefahaman ayat kompleks dalam kalangan kanak-kanak 3–4 tahun.

FONOLOGI: ASPEK KURANG DITEROKA

Fonologi hanya dilaporkan dalam 21% (8/38) daripada kajian, walaupun kesedaran fonologi diiktiraf sebagai asas penting dalam literasi awal (Gillon, 2017). Kajian sedia ada menekankan manfaat prosodi dan pengulangan bacaan terhadap kejelasan sebutan (Attig & Weinert, 2020). Bagi konteks Melayu, peluang besar wujud untuk mengintegrasikan tradisi lisan seperti pantun, syair, dan lagu kanak-kanak sebagai strategi fonologi. Integrasi pantun berima dalam buku gambar berpotensi menjadi strategi fonologi berakar budaya dan wajar dinilai secara eksperimen dalam konteks prasekolah. Implikasi utama daripada usaha ini ialah pembinaan pendekatan literasi yang benar-benar berasaskan budaya tempatan, sambil memperluaskan wacana global melalui penambahan perspektif serantau yang unik dan relevan. Berbanding dengan tradisi Inggeris yang menekankan kaedah fonik, rima dan pola prosodi dalam pantun/syair menawarkan laluan alternatif untuk membangunkan kesedaran bunyi dalam bahasa Melayu.

MORFOLOGI: JURANG PENYELIDIKAN PALING KETARA

Morfologi merupakan domain yang paling kurang diberi perhatian, dengan hanya 8% (3/38) kajian yang menelitinya. Hal ini mengehadkan pemahaman tentang bagaimana ciri imbuhan menyokong literasi awal, sedangkan bahasa Melayu amat bergantung pada imbuhan dan reduplikasi. Kekosongan ini membawa implikasi kritikal; buku cerita bahasa Melayu perlu dirancang untuk memperkenalkan imbuhan asas pada usia 2 - 3 tahun (contoh ber- dan meN-), dan dikembangkan

kepada struktur yang lebih kompleks seperti apitan dan reduplikasi pada usia 3-4 tahun. Pendekatan berperingkat ini boleh menguji kesan terhadap sensitiviti morfologi dan pemahaman makna terbitan. Jurang ini bukan sahaja relevan untuk konteks tempatan, tetapi juga menyumbang kepada literatur antarabangsa yang masih kurang meneliti bahasa berstruktur imbuhan.

IMPLIKASI TEORI

Dapatan kajian ini memperkukuh teori sosiokultural Vygotsky (1978) yang menekankan peranan interaksi sosial, khususnya aspek pragmatik, dalam perkembangan bahasa. Selain itu, ia menyokong teori pemerolehan bahasa awal yang menekankan kepentingan input linguistik yang kaya dari segi semantik dan fonologi. Perkembangan sintaksis yang bertahap juga menyokong pandangan konstruktivis Piaget bahawa kanak-kanak membina pengetahuan bahasa melalui eksplorasi aktif. Bagi morfologi dan fonologi, dapatan kajian menunjukkan relevansi teori pemprosesan statistik (Romberg & Saffran, 2010) yang menerangkan bagaimana kanak-kanak mengenal pola imbuhan dan bunyi berulang melalui pendedahan yang intensif. Dengan menghubungkan dapatan kepada pelbagai kerangka teori, kajian ini menyumbang kepada pengayaan wacana antarabangsa dan menekankan perlunya kerangka yang lebih komprehensif untuk bahasa berimbuhan seperti Melayu.

IMPLIKASI PRAKTIKAL

Kajian ini memberikan beberapa penekanan praktikal yang penting bagi pelbagai pihak yang berkepentingan. Dari sudut reka bentuk buku, buku cerita kanak-kanak yang berkesan seharusnya menyokong bacaan dialogik melalui penggunaan intonasi yang pelbagai, pengulangan kosa kata yang sesuai, serta penyediaan ruang giliran bertutur yang jelas dalam teks dan ilustrasi bagi merangsang perbualan bermakna bersama kanak-kanak. Dari perspektif pendidik pula, pengenalan bahan bacaan yang lebih pelbagai amat diperlukan, terutamanya yang mengandungi kosa kata abstrak, struktur sintaksis yang kompleks, serta aktiviti fonologi seperti permainan rima dan pengenalan imbuhan asas. Sementara itu, penerbit disarankan untuk membangunkan buku cerita yang secara progresif memberi penekanan kepada aspek linguistik dengan memasukkan unsur budaya tempatan seperti pantun dan syair, serta menyesuaikan variasi morfologi mengikut peringkat umur kanak-kanak. Di peringkat pembuat dasar, sokongan harus diberikan untuk pembangunan garis panduan nasional yang berasaskan bukti linguistik dalam pemilihan buku cerita kanak-kanak, supaya intervensi literasi awal di prasekolah dapat dijalankan dengan lebih konsisten dan berkesan. Ringkasnya, rangka tindakan ini menyediakan panduan praktikal yang boleh dilaksanakan secara langsung di rumah, bilik darjah, industri penerbitan, dan dasar. Penekanan pada adaptasi berasaskan budaya tempatan dijangka dapat memperkukuh literasi awal secara mampan dalam ekosistem pendidikan yang dinamik.

KETERBATASAN KAJIAN

Kajian ini menghadapi beberapa keterbatasan utama yang perlu diberi perhatian dalam interpretasi dapatan. Pertama, domain morfologi menunjukkan liputan kajian yang paling terhad dengan hanya tiga daripada 38 kajian (8%) yang meneliti aspek ini secara terperinci. Kekurangan data yang kritikal ini mencerminkan dominasi kajian dalam bahasa Inggeris yang mempunyai sistem morfologi kurang kompleks berbanding bahasa berstruktur imbuhan seperti bahasa Melayu.

Bahasa Melayu yang kaya dengan sistem awalan (meN-, ber-, pe-), akhiran (-kan, -an, -i) dan reduplikasi memerlukan kajian empirikal khusus untuk mengisi jurang pengetahuan yang ketara ini.

Kedua, sebanyak 84% kajian yang dianalisis didominasi oleh konteks geografi dan budaya Barat, dengan majoriti daripadanya menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium kajian. Walaupun ciri linguistik fundamental seperti semantik dan pragmatik menunjukkan corak universal yang konsisten, aspek pragmatik yang berkaitan rapat dengan norma kesantunan, hierarki sosial, dan nilai budaya memerlukan adaptasi khusus dalam konteks Malaysia. Realiti ini menegaskan bahawa kerangka yang dibangunkan perlu dilihat sebagai titik permulaan yang memerlukan validasi empirikal yang menyeluruh dalam konteks sosiobudaya tempatan.

Ketiga, dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan yang sesuai untuk ulasan skop sistematik dengan menumpukan kepada pemetaan bukti sedia ada berbanding dengan penilaian kritikal terhadap kualiti individual kajian. Pendekatan penjaminan kualiti dilaksanakan melalui kriteria inklusi yang ketat dan pemilihan kajian daripada pangkalan data bereputasi tinggi seperti Scopus, Web of Science dan ERIC. Walaupun pendekatan ini memadai untuk objektif eksploratori dan pemetaan landskap penyelidikan, ia tidak melibatkan penilaian kualiti formal menggunakan instrumen khusus seperti Mixed Methods Appraisal Tool (MMAT) atau Joanna Briggs Institute Critical Appraisal Tools yang biasa digunakan dalam ulasan sistematik yang lebih kritikal.

Keempat, proses ekstraksi data melibatkan semakan silang untuk 20% artikel tetapi tidak melaksanakan ekstraksi berganda secara menyeluruh untuk semua artikel kerana limitasi sumber. Pendekatan pragmatik ini diterima untuk ulasan skop tetapi mungkin mengurangkan ketepatan ekstraksi data berbanding standard ulasan sistematik yang lebih ketat. Walau bagaimanapun, tahap persetujuan antara penyelidik yang mencapai 92 peratus untuk sampel yang disemak menunjukkan konsistensi yang boleh dipercayai dalam proses ekstraksi.

Kelima, liputan mengikut fasa umur menunjukkan ketidakseimbangan dengan fasa akhir (4-4;11 tahun) hanya diwakili oleh 12 kajian berbanding 33 kajian untuk fasa awal (1-2 tahun). Ketidakseimbangan ini membataskan kekuatan generalisasi untuk peringkat umur yang lebih lanjut. Di samping itu, keterbatasan instrumen juga perlu diakui, kerana kebanyakan alat pengukuran yang digunakan dibangunkan dalam bahasa Inggeris, sekali gus menimbulkan isu kesesuaian apabila diaplikasikan dalam konteks bahasa Melayu.

CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN

Kajian selanjutnya disarankan memberi tumpuan kepada beberapa aspek penting yang dapat mengisi jurang sedia ada. Antaranya ialah: (i) eksplorasi mendalam terhadap morfologi bahasa Melayu dengan fokus khusus pada sistem imbuhan yang kompleks, bagi memahami bagaimana kanak-kanak mempelajari dan menggunakan struktur ini dalam perkembangan bahasa; (ii) pemupukan kesedaran fonologi melalui media tradisional tempatan seperti pantun, syair, dan lagu kanak-kanak yang berpotensi menyumbang kepada literasi awal; (iii) intervensi literasi awal dalam konteks dwibahasa Melayu-Inggeris untuk menyokong perkembangan bahasa yang seimbang; dan (iv) pengujian empirikal terhadap kerangka pembangunan buku cerita bahasa Melayu yang dicadangkan dalam kajian ini.

Selain itu, kajian masa depan hendaklah menekankan keseragaman metodologi dengan memastikan instrumen pengukuran yang digunakan adalah sahih, boleh dipercayai, dan boleh dibandingkan antara kajian. Pendekatan ini penting untuk memperkukuh kredibiliti dan ketepatan dapatan. Kajian susulan wajar melaporkan hasil ukuran piawai seperti kosa kata reseptif/ekspressif,

MLU, kesedaran rima/imbuhan, serta kefahaman wacana, bagi memudahkan perbandingan rentas kajian. Di samping itu, agenda nasional perlu ditekankan untuk validasi kerangka Melayu, supaya penyelidikan bukan sekadar adaptasi daripada Barat, tetapi menjadi rujukan bagi pembangunan literasi awal di peringkat antarabangsa.

KESIMPULAN

Kajian skop sistematik ini telah memetakan lima domain linguistik utama dalam buku cerita kanak-kanak yang berumur 1 hingga 4;11 tahun melalui sintesis 38 kajian empirikal. Dapatan menunjukkan domain semantik (95%) dan pragmatik (87%) mempunyai sokongan bukti paling kukuh, manakala sintaksis (47%) memperlihatkan variasi bergantung kepada tipologi bahasa. Sebaliknya, morfologi (8%) dan fonologi (21%) kekal sebagai jurang kritikal, khususnya dalam bahasa berstruktur imbuhan seperti bahasa Melayu. Kerangka empat fasa yang dibangunkan ini memberikan asas konseptual progresif untuk memahami perkembangan linguistik melalui buku cerita; namun dominasi kajian Barat (84%) menegaskan keperluan validasi tempatan menyeluruh sebelum boleh dijadikan panduan operasional. Sumbangan utama kajian ini ialah pemetaan sistematik pertama yang memberi tumpuan kepada kelima-lima domain linguistik dengan menekankan implikasi langsung terhadap pembangunan kerangka bahasa Melayu, sekaligus menetapkan agenda nasional untuk integrasi ciri morfologi dan fonologi dalam bahan bacaan kanak-kanak.

Transformasi industri penerbitan buku kanak-kanak tempatan perlu dilaksanakan secara berperingkat: komponen dengan bukti kukuh seperti semantik dan pragmatik boleh diintegrasikan segera, manakala domain yang kurang diterokai memerlukan pelaburan penyelidikan sebelum implementasi meluas. Kajian lanjutan wajar memberi tumpuan kepada pengujian empirikal kerangka melalui Perbincangan Kumpulan Berfokus dengan pihak berkepentingan bagi memastikan kesesuaian dengan realiti linguistik dan sosiobudaya tempatan. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4), kerangka ini berpotensi memperkukuh ekosistem literasi awal negara sambil memperkayakan wacana antarabangsa dengan perspektif bukan Barat yang berasaskan budaya tempatan. Komitmen berterusan terhadap penyelidikan tempatan, pembangunan instrumen linguistik sahih, dan kerjasama strategik antara akademik, penerbit, dan pembuat dasar merupakan prasyarat untuk membangunkan bahan bacaan kanak-kanak yang berteraskan sains linguistik, responsif budaya, dan mampan.

RUJUKAN

- Arksey, H. & O'Malley, L. (2005). Scoping studies: Towards a methodological framework. *International Journal of Social Research Methodology*. 8(1), 19–32. <https://doi.org/10.1080/1364557032000119616>
- Attig, M. & Weinert, S. (2020). What impacts early language skills? Effects of social disparities and different process characteristics of the home learning environment in the first 2 years. *Frontiers in Psychology*. 11, 557751. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.557751>
- Beck, I. L., McKeown, M. G. & Kucan, L. (2013). *Bringing Words to Life: Robust Vocabulary Instruction* (2nd ed.). New York, NY: Guilford Press.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*. 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Broemmel, A. D., Moran, M. J. & Wooten, D. A. (2015). The impact of animated books on the vocabulary and language development of preschool-aged children in two school settings. *Early Childhood Research & Practice*. 17(1), 1–17.
- Chomsky, N. (1995). *The Minimalist Program*. Cambridge, MA: MIT Press.

- Collett, A. N., Burchinal, M., Hammer, C. S. & Vernon-Feagans, L. (2024). Two distinct language environments and their associations with toddler language development. *Child Development*. 95(3), 932–949. <https://doi.org/10.1111/cdev.14011>
- Combs, C. & Higgins, N. (2024). Text complexity in picturebooks: A multimodal analysis. *Journal of Early Childhood Literacy*. 24(2), 207–235. <https://doi.org/10.1177/14687984221098278>
- Cúneo, N. & Berruero, P. (2023). Interactive reading as a language stimulation strategy: Implications of adult responses for children's language development. *Journal of Early Childhood Literacy*. 23(2), 224–249. <https://doi.org/10.1177/1468798420988912>
- Daneri, M. P., Blair, C., Kuhn, L. J. & FLP Key Investigators. (2019). Maternal language and child vocabulary mediate relations between socioeconomic status and executive function during early childhood. *Child Development*. 90(1), e1–e17. <https://doi.org/10.1111/cdev.12927>
- Daniels, K., Silinskas, G. & Becker, M. (2022). Shared reading and language skills: Testing of long-term effects in German preschoolers. *Journal of Experimental Child Psychology*. 220, 105413. <https://doi.org/10.1016/j.jecp.2022.105413>
- Dicataldo, R. & Roch, M. (2022). Predictors of grammatical development in 4-year-old Italian monolingual children. *Frontiers in Psychology*. 13, 801697. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.801697>
- Duursma, E. (2016). Who does the reading, who the talking? Low-income fathers and mothers in the US interacting with their young children around a picture book. *First Language*. 36(5), 465–484. <https://doi.org/10.1177/0142723716648849>
- Fuks, S. (2024). Understanding how adults support children's language during shared book reading: A systematic scoping review. *Language Development Research*. 4, 197–270. <https://doi.org/10.34842/2024.1232>
- Gillon, G. T. (2017). *Phonological Awareness: From Research to Practice* (2nd ed.). New York, NY: Guilford Press.
- Grosjean, F. (2010). *Bilingual: Life and Reality*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Hadley, E. B. & Dickinson, D. K. (2020). Cues for word learning during shared book-reading and guided play in preschool. *Journal of Child Language*. 47(6), 1129–1153. <https://doi.org/10.1017/S0305000920000203>
- Hanson, K. G., Samuelson, V. & Bailey, E. (2021). Effects of book characteristics and child age on preschoolers' language output during shared book reading. *Journal of Research in Childhood Education*. 35(2), 242–256. <https://doi.org/10.1080/02568543.2020.1730244>
- Hart, B. & Risley, T. R. (1995). *Meaningful Differences in the Everyday Experience of Young American Children*. Baltimore, MD: Paul H. Brookes Publishing.
- Hjetland, H. N., Brinchmann, E. I., Scherer, R., Hulme, C. & Melby-Lervåg, M. (2020). Preschool pathways to reading comprehension: A systematic meta-analytic review. *Educational Research Review*. 30, 100323. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2020.100323>
- Hoff, E. (2014). *Language Development* (5th ed.). Stamford, CT: Cengage Learning.
- Hoff, E., Quinn, J. M. & Giguere, D. (2023). What explains the correlation between growth in vocabulary and grammar? New evidence from latent change score analyses of simultaneous growth. *Developmental Psychology*. 59(4), 766–781. <https://doi.org/10.1037/dev0001502>
- Hutton, J. S., Dudley, J., Horowitz-Kraus, T., DeWitt, T. & Holland, S. K. (2021). Associations between screen-based media use and brain white matter integrity in preschool-aged children. *JAMA Pediatrics*. 175(1), e204967. <https://doi.org/10.1001/jamapediatrics.2020.4967>
- Jarvis, S. & Pavlenko, A. (2007). *Crosslinguistic Influence in Language and Cognition*. London: Routledge.
- Kaithiri, S. (2019). Emergent literacy in preschool classrooms: The role of teacher mediated book reading. *Journal of Research in Childhood Education*. 33(3), 375–394. <https://doi.org/10.1080/02568543.2019.1608330>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kuhl, P. K. (2007). Is speech learning 'gated' by the social brain? *Developmental Science*. 10(1), 110–120. <https://doi.org/10.1111/j.1467-7687.2007.00572.x>
- Larragueta, M., Ceballos-Viro, Y. & Soto, G. (2018). Interactive reading in preschool children with typical development and with language delays. *Journal of Early Childhood Literacy*. 18(4), 518–547. <https://doi.org/10.1177/1468798417690899>
- Mat Ali, R., Abdul Rahman, F. & Salleh, H. (2024). Kepentingan cerita rakyat dalam pembelajaran kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 14(1), 45–58.
- Mohamed Isa, Z. (2009). Pemilihan buku untuk kanak-kanak: Satu cadangan garis panduan. *Jurnal Pendidikan*. 34(1), 109–122.

- Neri, E., Gengarelli, G., Paoletti, M. & Trombini, E. (2021). Mind-minded parenting and vocabulary development: The mediating role of infant temperament. *Infant Behavior and Development*. 63, 101555. <https://doi.org/10.1016/j.infbeh.2021.101555>
- Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2002). *Keberkesanan Penggunaan Buku Cerita dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Prasekolah*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nyhout, A. & Simcock, G. (2021). A comprehensive review of picturebook authors' and illustrators' techniques for conveying theory of mind. *Journal of Cognition and Development*. 22(2), 155–182. <https://doi.org/10.1080/15248372.2020.1855125>
- Owens, R. E. (2016). *Language Development: An Introduction* (9th ed.). Boston, MA: Pearson.
- Patel, S., Thomas, J. & Guo, Y. (2024). The association between book reading and language development in low-income households: A systematic review. *Journal of Early Childhood Literacy*. 24(1), 54–89. <https://doi.org/10.1177/14687984221107612>
- Petrie, K., O'Neill, D. K. & Smith, D. S. (2021). Pictures speak: How adaptable are interactive shared book-reading strategies to wordless picturebooks? *Early Childhood Research Quarterly*. 55, 167–179. <https://doi.org/10.1016/j.ecresq.2020.11.008>
- Romberg, A. R. & Saffran, J. R. (2010). Statistical learning and language acquisition. *Wiley Interdisciplinary Reviews: Cognitive Science*. 1(6), 906–914. <https://doi.org/10.1002/wcs.78>
- Sénéchal, M. & LeFevre, J. A. (2014). Continuity and change in the home literacy environment as predictors of growth in vocabulary and reading. *Child Development*. 85(4), 1552–1568. <https://doi.org/10.1111/cdev.12222>
- Seven, Y., Hull, K., Madsen, A., Ferron, J. & Peters-Sanders, L. (2020). Can parents affect language development through a focus on quantity and quality of adult-child interactions? *Journal of Child Language*. 47(3), 591–617. <https://doi.org/10.1017/S0305000919000764>
- Şimşek, Z. C. & Işıkoğlu, N. (2021). Investigating the role of shared reading quality in improving Turkish preschoolers' language skills. *Early Education and Development*. 32(8), 1144–1162. <https://doi.org/10.1080/10409289.2020.1833172>
- Snow, C. E. & Matthews, T. J. (2016). Reading and language in the early grades. *The Future of Children*. 26(2), 57–74. <https://doi.org/10.1353/foc.2016.0012>
- Tomasello, M. (2003). *Constructing a Language: A Usage-Based Theory of Language Acquisition*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Towell, J. L., Bartram, L., Morrow, A. & Shaw, J. (2019). What is the impact of book genre on preschoolers' language production during shared book reading? *Early Childhood Research Quarterly*. 47, 177–188. <https://doi.org/10.1016/j.ecresq.2018.12.005>
- Towson, J., Gallagher, P. & Bingham, G. (2024). Contributions of shared book reading to early language development: A multi-method approach. *Early Childhood Research Quarterly*. 66, 178–192. <https://doi.org/10.1016/j.ecresq.2023.10.005>
- Tricco, A. C., Lillie, E., Zarin, W., O'Brien, K. K., Colquhoun, H., Levac, D., Moher, D., Peters, M. D. J., Horsley, T., Weeks, L., Hempel, S., Akl, E. A., Chang, C., McGowan, J., Stewart, L., Hartling, L., Aldcroft, A., Wilson, M. G., Garritty, C. & Straus, S. E. (2018). PRISMA extension for scoping reviews (PRISMA-ScR): Checklist and explanation. *Annals of Internal Medicine*. 169(7), 467–473. <https://doi.org/10.7326/M18-0850>
- UNESCO. (2021). *Reimagining Our Futures Together: A New Social Contract for Education*. Paris: UNESCO Publishing.
- Van Horn, D. & Kan, P. F. (2015). Fast mapping by bilingual children: Storybooks and cartoons. *Child Language Teaching and Therapy*. 31(1), 65–77. <https://doi.org/10.1177/0265659014544527>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Wangke, K., Silalahi, R. & Lombu, S. (2021). The impact of illustrated storybooks on children's language acquisition in multilingual contexts. *International Journal of Early Childhood Education*. 13(2), 234–250. <https://doi.org/10.1080/09669760.2021.1876589>
- Weisleder, A., Mazzuchelli, D. S., Lopez, A. S., Neto, W. D., Cates, C. B., Gonçalves, H. A., Fonseca, R. P., Oliveira, J. & Mendelsohn, A. L. (2018). Reading aloud and child development: A cluster-randomized trial in Brazil. *Pediatrics*. 141(1), e20170723. <https://doi.org/10.1542/peds.2017-0723>

APPENDIX A

CIRI-CIRI LENGKAP 38 KAJIAN

No	Penulis & Tahun	Negara	Umur (bulan)	Metodologi	Domain Utama	Dapatan Utama
1	Wangke et al. (2021)	Indonesia	24-36	Crosssectional	Semantik, Pragmatik	Pembacaan 4x/minggu kurangkan risiko gangguan bahasa
2	Combs & Higgins (2024)	USA	16-30	Korelasi	Semantik, Pragmatik	Kekerapan membaca berkorelasi positif dengan perkembangan
3	Nyhout & Simcock (2021)	Australia	36-48	Eksperimen	Pragmatik, Semantik, Sintaksis	Buku tanpa teks tingkatkan respon lisan
4	Luo & Tamis LeMonda (2017)	USA	30	Observasi	Semantik, Pragmatik	Ibu fokus pada gambaran berbanding teks
5	Seven et al. (2020)	Turkey	48	Baseline design	Semantik, Pragmatik	Bahasa dekontekstual ibu bapa meningkat
6	Towson et al. (2024)	USA	24-48	Pre-post	Semantik, Pragmatik	Strategi dialogik tingkatkan interaksi
7	Neri et al. (2021)	Italy	0-24	Longitudinal	Semantik, Pragmatik	Pembacaan NICU kurangkan kemerosotan bahasa
8	Dulin et al. (2023)	USA	11-29	Survey + video	Semantik, Pragmatik	HLE kaya kaitkan dengan perkembangan
9	Hutton et al. (2021)	USA	6-18	RCT	Pragmatik, Semantik	Aplikasi mudah alih bantu ibu bapa
10	Muhinyi & Hesketh (2020)	UK	37-47	Eksperimen	Pragmatik	Kandungan teks tidak pengaruhi interaksi
11	Collett et al. (2024)	USA	35-37	RCT	Semantik, Sintaksis	Pengulangan tingkatkan pembelajaran kosa kata
12	Petrie et al. (2021)	USA	42-66	Audio recording	Fonologi, Sintaksis, Semantik	Buku tanpa teks pacu interaksi
13	Attig & Weinert (2020)	Germany	24	Longitudinal	Fonologi, Sintaksis, Semantik	HLE berkait dengan kemahiran bahasa
14	Knauer et al. (2019)	USA	18-30	RCT	Semantik, Pragmatik	Intervensi <i>book-sharing</i> tingkatkan kosa kata
15	Rasheed & Yousafzai (2015)	Pakistan	12-24	Observational	Pragmatik, Semantik	Interaksi responsif signifikan untuk perkembangan
16	Shinsky (2020)	USA	18-24	Eksperimen	Semantik, Pragmatik	Buku tanpa <i>flap</i> lebih berkesan untuk pembelajaran
17	Hoff et al. (2023)	USA	6-16	Longitudinal	Semantik, Pragmatik	HLE memediasi kesan SES
18	Towell et al. (2019)	USA	6-22	Kualitatif	Fonologi, Semantik, Pragmatik	Bayi tunjuk minat tinggi pada topik yang sudah biasa
19	Conica et al. (2023)	USA	21-27	Kuasi eksperimen	Sintaksis, Semantik, Pragmatik	Buku tanpa teks dorong penggunaan bahasa bapa
20	Hanson et al. (2021)	USA	15-30	Kuantitatif	Fonologi, Sintaksis, Semantik	Bahasa ibu bapa lebih kompleks semasa membaca
21	Larragueta et al. (2018)	USA	36-48	Kuasi eksperimen	Semantik	Kanak-kanak ingat perkataan dari buku dengan konteks visual
22	Fuks (2024)	Israel	12-36	Longitudinal	Semantik,	Ibu guna strategi naratif dan <i>prompt</i> terbuka

					Sintaksis, Pragmatik	
23	Fernald et al. (2019)	USA	6-24	Longitudinal	Semantik, Pragmatik	Pembacaan awal berkait dengan saiz kosa kata
24	Daniels et al. (2022)	USA	19-29	Temu bual	Semantik, Pragmatik	Faktor pemilihan: estetik, kesukaran, minat
25	Weisleder et al. (2018)	Brazil	24-48	Cluster RCT	Semantik, Sintaksis, Pragmatik	Peningkatan kosa kata reseptif dan ekspresif
26	Riekeras et al. (2022)	Norway	24	Longitudinal	Sintaksis, Semantik, Pragmatik	Ujaran ibu bapa kompleks kaitkan dengan perkembangan
27	Daneri et al. (2019)	USA	15-60	Longitudinal	Sintaksis, Semantik, Pragmatik	Bahasa ibu ramal kosa kata dan fungsi eksekutif
28	Suttora et al. (2020)	Italy	30	Video interaction	Sintaksis, Semantik, Pragmatik	Input berkualiti kaitkan dengan kosa kata
29	Cúneo & Berrueco (2023)	Spain	24	Eksperimen	Semantik, Pragmatik	Bacaan dialogik lebih berkesan
30	Duursma (2016)	USA	24-36	Observasi	Pragmatik	Bapa guna <i>non-immediate talk</i> , anak lebih aktif
31	Li & Onnis (2021)	Singapore	6-36	Korelasi	Sintaksis, Semantik, Pragmatik	Pengulangan separa sebagai <i>scaffolding</i>
32	Krok et al. (2023)	USA	30-36	Eksperimental	Sintaksis, Semantik, Pragmatik	Video animasi cetuskan respon pelbagai
33	Rudin (2024)	USA	0-36	Content analysis	Semantik, Naratif, Pragmatik	Buku <i>toddler</i> sebagai medium pengenalan struktur
34	Van Horn & Kan (2015)	USA	36-60	Eksperimen	Semantik, Fonologi	Dwibahasa tunjuk <i>fast mapping</i> berkesan
35	Broemmel et al. (2021)	USA	47-71	Action research	Semantik, Naratif, Pragmatik	Buku animasi tiada kelebihan
36	Chan (2023)	Hong Kong	36-72	Crosssectional	Semantik, Sintaksis, Pragmatik	Kanak-kanak kurang pendengaran manfaat buku bergambar
37	Patel et al. (2024)	USA	36-60	Survey	Semantik, Pragmatik	HLE dan interaksi penting untuk literasi
38	Simsek & Isikoglu (2021)	Turkey	48-66	Kuasi eksperimental	Semantik, Sintaksis, Morfologi	Bacaan dialogik tingkatkan bahasa reseptif ekspresif

Ringkasan Geografi:

- Amerika Utara: 24 kajian (63%)
- Eropah: 8 kajian (21%)
- Asia: 4 kajian (11%)
- Australia/Oceania: 2 kajian (5%)

APPENDIX B

CIRI-CIRI LINGUISTIK BAHASA MELAYU MENGIKUT FASA UMUR (1–4;11 TAHUN)

Fasa Umur	Semantik	Pragmatik	Sintaksis	Fonologi	Morfologi
1–2 tahun	-Kosa kata konkrit asas: <i>mama, ayah, bola, susu</i> - Nama objek persekitaran harian	- Giliran bertutur awal (respon 1–2perkataan) - Permintaan mudah: <i>nak, lagi</i>	- Ujaran 1–2 perkataan - Pola asas S–V (<i>Ayah makan</i>) atau V–O (<i>Ambil bola</i>)	- Bunyi berulang/onomatopoeia: <i>tok-tok, miaw</i> - Irama/rima ringkas dalam lagu kanak-kanak	-Kata akar tunggal (<i>lari, makan, bola</i>) -Tiada imbuhan
2–3 tahun	- Ledakan kosa kata: kata kerja mudah (<i>lari, duduk, minum</i>) - Emosi asas: <i>marah, sedih</i>	- Niat komunikasi jelas (bertanya/ menjawab) - Perkataan fungsional: <i>dan, dengan</i>	- Ayat 3–6 perkataan - Frasa mudah + kata hubung (<i>Ayah makan dan minum</i>)	- Permainan bunyi, pengulangan suku kata (<i>ba-ba, da-da</i>) - Kenal vokal kontras (a/i/u)	- Imbuhan asas: <i>meN-, ber-</i> (<i>bermain, menulis</i>) - Reduplikasi penuh: <i>main-main</i>
3–4 tahun	- Kosa kata abstrak mula muncul: <i>besar, kosong, hilang</i> - Konsep kategori: <i>haiwan, makanan</i>	- Perspektif sosial asas (<i>saya, dia</i>) - Dialog lebih panjang (soaljawab berulang)	- Ayat kompleks dengan subordinasi (<i>Kalau lapar, makan nasi</i>) - Soalan terbuka (<i>Kenapa bola jatuh?</i>)	- Kenal bunyi awal/akhir kata (rimaan: <i>kucing–ancing</i>) - Mainan rima dalam pantun/lirik	-Gabungan kata dasar + imbuhan (<i>berlari, memasak</i>) -Reduplikasi separa: <i>lelaki, tetamu</i>
4–4;11 tahun	- Kosa kata akademik asas: <i>sebab, kerana, walaupun</i> - Konsep abstrak lebih luas: <i>adil, janji</i>	- Strategi komunikasi kompleks (membetulkan orang lain, bercerita semula) - Formula kesantunan: <i>boleh tak..., tolong</i>	- Ayat kompleks koordinasi + subordinasi (<i>Saya makan nasi kerana lapar dan saya minum air</i>) - Variasi struktur SVO/OSV	- Kepekaan fonologi halus: bezakan bunyi hampir sama (<i>sakit–saket</i>) - Kesedaran rima hujung kata	- Sistem imbuhan lebih matang: Awalan: <i>meN-, ber-, ter-</i> Akhiran: <i>-kan, -an, -i</i> Kombinasi: <i>menuliskan, bermainan</i>

Jadual ini memberikan ilustrasi perkembangan linguistik kanak-kanak berdasarkan lima domain utama (semantik, pragmatik, sintaksis, fonologi, morfologi) dengan contoh konkrit dalam Bahasa Melayu. Ia disusun secara progresif mengikut empat fasa umur (1–4;11 tahun). Contoh yang dipaparkan bersifat operasional bagi memandu penulis, pendidik, dan penerbit dalam menghasilkan buku cerita kanak-kanak yang sesuai tahap perkembangan.

APPENDIX C

STRATEGI CARIAN PENUH (2015–2024; CARIAN TERAKHIR 15 DISEMBER 2024)

Scopus	(TITLE-ABS-KEY)("children* storybook*" OR "picture book*" OR "storybook*" OR "children* literature") AND ("language development" OR "language acquisition" OR "linguistic feature*" OR "oral language") AND ("child*" OR "toddler*" OR "preschool*") AND (LIMIT-TO (LANGUAGE, "English")) AND (PUBYEAR > 2014 AND PUBYEAR < 2025)
Web of Science (Topic/TS)	TS=("children* storybook*" OR "picture book*" OR "storybook*" OR "children* literature") AND TS=("language development" OR "language acquisition" OR "linguistic feature*" OR "oral language") AND TS=("child*" OR "toddler*" OR "preschool*") Refined by: LANGUAGES: (ENGLISH); DOCUMENT TYPES: (ARTICLE) Timespan: 2015–2024
ERIC (Descriptors/Keywords)	("picture books" OR "children's literature" OR "storybook reading") AND ("language development" OR "language acquisition" OR "linguistic features" OR "oral language") AND ("toddlers" OR "preschool children") Filters: Peer-reviewed; 2015–2024; English

PENULIS

Zuraida Ahmad Shahime merupakan pelajar pascasiswazah di Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyelidikan beliau memfokuskan kepada perkembangan bahasa kanak-kanak, linguistik klinikal, dan kerangka buku cerita kanak-kanak. p153234@siswa.ukm.edu.my

Badrulzaman Abdul Hamid (Ph.D) merupakan pensyarah kanan dan Ketua Program Sains Pertuturan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau termasuk linguistik klinikal dan fonetik instrumental, dengan fokus kepada perkembangan bahasa dan komunikasi dalam populasi klinikal. badrulhamid@ukm.edu.my

Hasherah Mohd Ibrahim (Ph.D) merupakan Profesor Madya di Universiti Kebangsaan Malaysia, yang mengkhusus dalam linguistik klinikal, patologi pertuturan dan bahasa, serta gangguan komunikasi dalam kalangan kanak-kanak. hasherah@ukm.edu.my